PRODUCT DISCLOSURE SHEET

Dear Customer,
This Product Disclosure Sheet (PDS) provides you with key information on your **Personal Financing-i for Civil Sector (Variable Rate).**

Other customers have read this PDS and found it helpful;
you should read it too.

RHB ISLAMIC BANK BERHAD
200501003283 (680329-V)
Incorporated in Malaysia

Date:
Application Ref. No:

1. What is Personal Financing-i for Civil Sector (Variable Rate)?

Personal Financing-i for Civil Sector (Variable Rate) is an unsecured Personal Financing-i offered to both federal and state government servants, selected government-linked companies and self-accounting agencies ("Customer"). The Personal Financing-i is offered through salary deduction using the service of an appointed service provider. The facility is to be utilized for personal consumption of the Customer as long as it is not contrary to Shariah principles.

Shariah concept applicable:
Adopts the concept of Commodity Murabahah via Tawarruq arrangement and Wakalah. Tawarruq consists of two (2) sale and purchase contracts. The first involves the sale of an asset by a seller to a purchaser on a deferred basis. Subsequently, the purchaser of the first sale will sell the same asset to a third party on a cash-on-spot basis.

The Application:
The Customer and RHB Islamic Bank (RHBIB) enter into an agreement where the Customer undertakes to buy a specified commodity or asset from RHBIB and the Customer then authorize and appoints RHBIB as his sole and exclusive agent (Wakil) and / or authorize RHBIB to delegate its rights and duties as such agent herein to any third party under Agency (Wakalah) contract to act on his behalf for the commodity trading transactions.

1. RHBIB will purchase a commodity from Broker A at purchase price (financing amount);
2. Ownership of the commodity will be transferred to RHBIB;
3. RHBIB will sell the commodity to the Customer at a 'mark-up' price (purchase price plus profit margin). RHBIB (acting as the Customer's agent) will accept the purchase of the commodity;
4. Customer will appoint RHBIB as agent to sell-off the commodity;
5. RHBIB (acting as the Customer's agent) will sell the commodity to Broker B;
6. Broker B will purchase the commodity from RHBIB (acting as the Customer's agent) at the purchase price;
7. RHBIB will make the funds available to the Customer in the form of Personal Financing-i (disbursement amount).

2. Know Your Obligations

For this Personal Financing-i for Civil Sector (Variable Rate) as an illustration:

• Your financing amount[1]	:	RM 16,000.00
• Your monthly instalment	:	RM 356.00
• Your financing tenure[2]	:	7 years
• Standardised base rate Islamic (SBRI)[3]	:	2.75%
• Spread	:	17.25%
• Effective Profit Rate (EPR)[4]	:	20.00%
• Ceiling Profit Rate (CPR)	:	18.00%

In total you will pay RM29,777.49 at the end of 7 years

Note:
Financing amount: RM2,000 (minimum) up to RM300,000 (maximum).
Financing tenure: 2 years (minimum) up to 10 years (maximum)
The SBRI may vary from time to time. Please refer to the RHB Group website for the latest rate.
The profit rate is variable rate, calculated based on reducing balance method (daily rest basis).

You also have to pay the following fees and charges:

Stamp duty	0.5% of the financing amount (RM5 for every RM1,000 or part thereof), as per Stamp Act 1949 (revised 1989) RM 80
Brokerage fee	RM 30.00 per application
Collection fee	1.5% per application

It is your responsibility to:


Read and understand the **key terms** in the contract before you sign it.


Pay your monthly instalment timely and in full 7 years. Speak to us if you wish to settle your financing earlier.


Ensure you can afford to **pay a higher instalment** if the Overnight Policy Rate (OPR) rises.


Contact us immediately, if you are unable to pay your monthly instalment.

Note: The SBRI is set as the Overnight Policy Rate (OPR) decided by Bank Negara Malaysia. The SBRI can rise or fall due to changes in the OPR.

What if I fully settle the financing before its maturity?
- There is no lock-in period, and partial principal payments are not allowed.
- The Bank does not impose any exit penalty for early settlement. A rebate (ibra') will be granted, calculated as follows:
  Rebate (Ibra') = *Remaining Unearned Profit – Early Settlement Charges (if any).
  **Remaining Unearned Profit is equal to unrealized profit at the time of full settlement*

3. Know Your Risks

What happen if you fail to pay your monthly instalments?

1. The Bank may impose Ta'widh (compensation) on overdue monthly instalments as follows:
   - Before maturity: Up to a maximum of 1% p.a. on overdue monthly instalment within the financing tenure.
   - After maturity: A sum not exceeding Bank Negara Malaysia's Islamic Interbank Money Market (IIMM) rate on overdue monthly instalment.
2. The Bank may initiate legal action against you.
3. The Bank reserves the right, by giving seven (7) calendar days' prior notice, to debit any amount from your account(s) maintained with the Bank to settle the outstanding amounts due.
4. Your credit score may be affected, leading to credit being more difficult or expensive for you.

Your monthly instalment may increase during the tenure of your financing

The SBRI may increase due to a rise in the OPR set by Bank Negara Malaysia. An increase in SBRI means that you need to pay a **higher monthly instalment**.

Rate	Today SBRI = 17.25%		If SBRI goes up 1%		If SBRI goes up 2%	
Monthly Instalment	RM	356.00	RM	365.00	RM	375.00
Total Profit Amount at the end of 7 years	RM	13,777.49	RM	14,659.18	RM	15,463.69
Total Payment Amount at the end of 7 years	RM	29,777.49	RM	30,659.18	RM	31,463.69

Note: All calculations and information above are for illustration purposes only.

4. Other Key Terms

What are the documents that I need to submit?

1. MyKad (front and back)
2. Salary Slip (Up to 3 months before the application)
3. Employee Confirmation Letter (with Employer's Letterhead)
4. Copy of RHB Bank Berhad / RHBIB / any other banks Account Passbook
5. Redemption Statement of other banks/ financila institutions (if any)
6. Retirement Option Letter (for applicant aged 48 years old & above if Tenure exceeds mandatory retirement age)
7. Transfer Letter (for applicant who will be transferred in less than 6 months from the point of application)
8. T228 (for Sarawak only)
9. Quotation/Invoice issued by an approved travel agency for Umrah/Hajj (only applicable for Umrah/Hajj Package)

What if I pay more than the monthly instalment amount?

Any excess amount paid above your monthly instalment will be treated as an advance payment. Such advance payment will not be utilised to reduce the financing amount.

Do I need any Takaful coverage?

It is encouraged to opt for Takaful coverage under the Facility. In circumstances of death and total permanent disability, the Takaful will pay off all outstanding amounts of your financing with RHBIB. This will alleviate the burden of payment on your survivors or next of kin. You may take up a Takaful plan either from a Takaful operator listed on RHBIB's panel of Takaful operators or from any other legitimate Takaful operator of your choice. However, if the chosen Takaful operator is listed on RHBIB's panel, then the total contribution payable will be deducted from the approved financing amount before disbursement of the facility.

Note: If your preferred Takaful operator is not from RHBIB's panel of Takaful operators, the cost of such coverage will be borne at your own expense. The Takaful cost shall not be deducted from the financing amount.

Do I need a guarantor or collateral?

No guarantor or collateral is required.

What are the major risks?

Should you encounter any difficulty in meeting your obligations, please contact the Bank in advance to discuss payment alternatives. This is to avoid legal action if you are unable to pay your monthly instalment.

What is the treatment of monthly payment?

Any changes or revision of the SBRI (upwards or downwards), the Bank shall revise the monthly payment of financing facility which is revised according to the changes of SBRI.

What if salary deduction / salary transfer is withdrawn / non-crediting for what so ever reason?

You shall agree with the Effective Profit Rates to be revised upwards (not exceeding the Ceiling Profit Rate as specified in the terms and conditions), in the event the salary deduction / salary transfer is withdrawn / non-crediting for what so ever reason.

What if there is still outstanding balance at the end of financing tenor?

In the event of accounts still with outstanding balance at the end of financing tenor due to upward or downward adjustment to the SBRI, customers are required to make lump sum settlement at end of financing tenor. If customers are not able to make full settlement in such event, recovery process will be initiated on affected accounts, but with continuous monthly salary deduction until fully settled the outstanding amount.

What do I need to do if there are changes to my contact details?

It is important that you inform the Bank of any changes to your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.

If you have any questions or require assistance on your RHB Personal Financing, you can:

Call us at:	Visit us at:	E-mail us at:	Scan the QR code above
03-9206 8118	https://www.rhbgroup.com	customer.service@rhbgroup.com	

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihargai,
Helaian pendedahan produk ini memberikan anda maklumat utama mengenai **Pembiayaan Peribadi-i Untuk Sektor Awam (Kadar Berubah).**

Pelanggan lain telah membaca helaian pendedahan produk ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga disarankan untuk membacanya.**

RHB ISLAMIC BANK BERHAD
200501003283 (680329-V)
Diperbadankan di Malaysia

Tarikh:
No. Rujukan Permohonan:

1. Apakah Pembiayaan Peribadi-i Untuk Sektor Awam (Kadar Berubah)?

Pembiayaan Peribadi-i Untuk Sektor Awam (Kadar Berubah) adalah satu Pembiayaan Peribadi-i tanpa jaminan yang ditawarkan kepada kakitangan kerajaan persekutuan dan negeri, syarikat berkaitan kerajaan terpilih dan agensi perakaunan diri ("Pelanggan"). Pembiayaan Peribadi-i ditawarkan melalui pemotongan gaji menggunakan menggunakan perkhidmatan penyedia perkhidmatan yang dilantik. Kemudahan ini akan digunakan untuk penggunaan peribadi Pelanggan selagi tidak bertentangan dengan prinsip Syariah.

Konsep Shariah yang diguna pakai adalah:
Berdasarkan konsep Komoditi Murabahah melalui pengaturan Tawarruq dan Wakalah. Tawarruq terdiri daripada dua(2) kontrak jual beli. Yang pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli secara tertangguh, Selepas itu, pembeli penjualan pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan lani.

Permohonan:
Pelanggan dan RHB Islamic Bank (RHBIB) memasuki satu perjanjian di mana Pelanggan berjanji untuk membeli komoditi tertentu atau asset dari RHBIB dan Pelanggan kemudiannya memberi kuasa dan melantik RHBIB sebagai ejen (Wakil) tunggal dan eksklusif Pelanggan dan / atau membenarkan RHBIB untuk mewakilkan hak dan tanggungjawab sebagai ejen kepada pihak ketiga di bawah kontrak Agensi (Wakalah) untuk bertindak bagi pihak Pelanggan untuk transaksi perdagangan komoditi.

1. RHBIB akan membeli komoditi daripada Broker A pada harga belian (jumlah pembiayaan);
2. Pemilikan komoditi itu akan dipindahkan kepada RHBIB;
3. RHBIB akan menjual komoditi tersebut kepada Pelanggan pada harga tokokan (harga belian ditambah margin keuntungan). RHBIB (bertindak sebagai ejen Pelanggan) akan menerima pembelian komoditi;
4. Pelanggan melantik RHBIB sebagai ejen untuk menjual komoditi tersebut;
5. RHBIB yang bertindak sebagai ejen Pelanggan akan menjual komoditi kepada Broker B;
6. Broker B akan membeli komoditi pada harga belian ;
7. RHBIB akan menyediakan dana kepada Pelanggan dalam bentuk Pembiayaan Peribadi-i (jumlah pengeluaran).

2. Ketahui Kewajipan anda

Bagi Pembiayaan Peribadi-i Untuk Sektor Awam(Kadar Berubah) ini, sebagai ilustrasi:

• Amaun pembiayaan anda[1]	:	RM 16,000.00
• Ansuran bulanan anda	:	RM 356.00
• Tempoh pembiayaan anda[2]	:	7 tahun
• Kadar Asas Standard Islamik ("KASI")[3]	:	2.75%
• Peratusan	:	17.25%
• Kadar pembiayaan efektif[4]	:	20.00%
• Kadar keuntungan siling	:	18.00%

Secara keseluruhan, pada akhir tempoh 7 tahun anda akan membayar RM29,777.49

Nota:
Jumlah Pembiayaan: RM2,000 (minimum) sehingga RM300,000 (maksimum).
Tempoh Pembiayaan: 2 tahun (minimum) sehingga 10 tahun (maksimum).
KASI boleh berubah dari semasa ke semasa. Sila rujuk laman web Kumpulan RHB untuk kadar terkini.
Kadar keuntungan adalah kadar berubah, dikira berdasarkan kaedah baki berkurangan (harian).

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:

Duti Setem	0.5% daripada jumlah pembiayaan (RM5 untuk setiap RM1,000 atau sebahagian daripadanya), seperti yang termaktub di Akta Setem 1949 (Disemak 1989) RM 80
Fi Broker	RM 30.00 bagi setiap permohonan
Fi Potongan Gaji	1.5% bagi setiap permohonan

Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk:


Baca dan fahami **terma-terma utama** dalam **kontrak** sebelum anda menandatanganinya.


Bayar ansuran bulanan anda tepat pada masanya dan sepenuhnya 7 tahun. Hubungi kami sekiranya anda ingin menyelesaikan pembiayaan anda lebih awal.


Pastikan anda mampu membayar **ansuran yang lebih tinggi** sekiranya Kadar Dasar Semalaman meningkat.


Hubungi kami dengan segera, sekiranya anda tidak dapat membayar ansuran bulanan anda.

Nota: KASI ditetapkan berdasarkan Kadar Dasar Semalaman yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia. KASI boleh meningkat atau menurun bergantung kepada perubahan dalam Kadar Dasar Semalaman.

Bagaimana jika saya menyelesaikan pembiayaan sepenuhnya sebelum tempoh matang?
1. Tiada tempoh terkunci, dan bayaran prinsipal secara separa tidak dibenarkan.
2. Bank tidak mengenakan sebarang penalti keluar bagi penyelesaian awal. Rebat (ibra') akan diberikan, yang dikira seperti berikut:
3. Rebat (Ibra') = **Baki Keuntungan Belum Diperoleh – Caj Penyelesaian Awal (jika ada)
   **Baki Keuntungan Belum Diperoleh merujuk kepada keuntungan yang belum direalisasikan pada masa penyelesaian penuh.

3. Ketahui Risiko Anda

Apa yang akan berlaku jika anda gagal membayar ansuran bulanan anda?

1. Bank boleh mengenakan Ta'widh (ganti rugi) ke atas ansuran bulanan tertunggak seperti berikut:
   - Sebelum tempoh matang: Sehingga maksimum 1% setahun ke atas ansuran bulanan tertunggak dalam tempoh pembiayaan.
   - Selepas tempoh matang: Jumlah yang tidak melebihi kadar Pasaran Wang Antara Bank secara Islam Bank Negara Malaysia ke atas ansuran bulanan tertunggak.
2. Bank boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap anda.
3. Bank berhak, dengan memberi notis awal selama tujuh (7) hari kalendar, untuk mendebit sebarang amaun daripada akaun anda yang di selenggara dengan Bank bagi menyelesaikan jumlah tertunggak yang kena dibayar.
4. Skor kredit anda mungkin terjejas, sekali gus menyebabkan kredit menjadi lebih sukar atau mahal untuk anda.

Ansuran bulanan anda mungkin meningkat sepanjang tempoh pembiayaan anda

KASI mungkin meningkat disebabkan oleh kenaikan Kadar Dasar Semalaman yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Peningkatan dalam KASI bermaksud anda perlu membayar **ansuran bulanan yang lebih tinggi.**

Kadar	Hari ini KASI = 17.25%		Jika KASI naik 1%		Jika KASI naik 2%	
Bayaran Bulanan	RM	356.00	RM	365.00	RM	375.00
Jumlah keuntungan pada akhir 7 tahun	RM	13,777.49	RM	14,659.18	RM	15,463.69
Jumlah bayaran pada akhir 7 tahun	RM	29,777.49	RM	30,659.18	RM	31,463.69

Nota: Semua pengiraan dan maklumat di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.

4. Terma Utama Lain

Apakah dokumen-dokumen yang perlu saya serahkan?

1. Salinan MyKad (depan dan belakang)
2. Slip Gaji (hingga 3 bulan terkini sebelum permohonan)
3. Penyata Akaun Simpanan RHB Bank / RHBIB / Buku Akaun mana-mana Bank Lain
4. Surat Pengesahan Jawatan (dengan kepala surat syarikat)
5. Surat Penyata Penebusan dari Bank-bank lain/ Institusi Kewangan (jika berkenaan)
6. Surat Persaraan (Retirement Option letter) (untuk pemohon berumur 48 tahun ke atas jika Tempoh melebihi umur persaraan wajib)
7. Surat Pertukaran (untuk pemohon yang akan dipindahkan dalam masa kurang dari 6 bulan dari masa permohonan)
8. T228 (untuk Sarawak sahaja)
9. Sebutharga/Invois daripada agensi pelancongan yang diluluskan bagi pakej Umrah/Haji (tertakluk hanya kepada pakej Umrah/Haji)

Bagaimana jika saya membayar lebih daripada amaun ansuran bulanan?

Sebarang amaun yang dibayar melebihi ansuran bulanan anda akan dianggap sebagai bayaran pendahuluan. Bayaran pendahuluan tersebut tidak akan digunakan untuk mengurangkan amaun pembiayaan.

Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?

Perlindungan Takaful adalah digalakkan. Ia akan melunaskan semua jumlah tertunggak pembiayaan anda dengan RHBIB sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal. Ini akan meringankan beban pembayaran kepada pewarisyang masih hidup atau saudara terdekat. Anda boleh mengambil pelan Takaful sama ada dari pengendali Takaful yang tersenarai di bawah panel Takaful RHBIB atau dari pengendali Takaful lain yang sah mengikut pilihan anda. Walau bagaimanapun, jika pengendali Takaful terpilih disenaraikan di bawah panel RHBIB, maka jumlah sumbangan yang perlu dibayar akan ditolak dari jumlah pembiayaan yang diluluskan sebelum pembayaran Pembiayaan Peribadi-i.

Nota: Sekiranya pengendali Takaful pilihan anda bukan dari panel pengendali Takaful RHBIB, dan kos perlindungan tersebut akan ditanggung di bawah perbelanjaan anda sendiri. Kos Takaful tidak akan ditolak dari jumlah pembiayaan.

Adakah permohonan saya memerlukan penjamin atau cagaran?

Produk ini tidak memerlukan penjamin atau cagaran.

Apakah risiko utama?

Sekiranya anda menghadapi kesukaran untuk memenuhi kewajipan anda, sila hubungi RHBIB terlebih dahulu untuk membincangkan alternatif pembayaran. Ini untuk mengelakkan tindakan undang-undang jika anda tidak dapat membayar pembayaran bulanan anda

Bagaimana dengan bayaran bulanan?

Sebarang perubahan KASI menaik atau menurun, Bank akan menyemak semula pembayaran pembiayaan bulanan berdasarkan perubahan KASI.

Bagaimanakah sekiranya pemotongan gaji/pemindahan gaji ditarik/ gaji tidak dikreditkan di atas sebab tertentu?

Anda bersetuju dengan semakan semula kenaikan Kadar Keuntungan Efektif (tidak melebihi Kadar Keuntungan Siling seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat) sekiranya pemotongan gaji/ pemindahan gaji ditarik/ gaji tidak dikreditkan di atas sebab tertentu.

Bagaimana sekiranya masih terdapat baki tertunggak setelah habis tempoh pembiayaan?

Sekiranya masih terdapat baki tertunggak setelah habis tempoh pembiayaan kerana penyesuaian menaik atau menurun KASI, pelanggan diminta untuk membuat pembayaran penuh pada akhir tempoh pembiayaan. Sekiranya pelanggan tidak dapat membuat pembayaran penuh dalam tempoh tersebut, proses pemulihan akan dimulakan pada akaun yang terjejas, tetapi dengan pemotongan gaji bulanan yang berterusan sehingga selesai jumlah tertunggak.

Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan maklumat dan butiran berkenaan maklumat peribadi saya?

Ini adalah penting untuk memaklumkan pihak Bank mengenai sebarang perubahan dalam butiran hubungan anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai ke tangan anda tepat pada masanya.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan RHB Pembiayaan Peribadi anda, anda boleh:

Hubungi kami di:	Layari laman web kami di:	E-mail kami di:	Imbas kod QR di atas
03-9206 8118	https://www.rhbgroup.com	customer.service@rhbgroup.com	